

Pelaksanaan 5G dipercepat

Syarikat tujuan khas milik kerajaan ambil alih pembangunan infrastruktur

Oleh Siti Haliza Yusop
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Syarikat Tujuan Khas Milik Kerajaan Malaysia (GOMSPV) akan mengambil alih pembangunan infrastruktur kebangsaan bagi mempercepatkan pelaksanaan rangkaian telekomunikasi selular generasi kelima (5G) di negara ini.

Pengerusi Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia

(SKMM), Dr Fadhullah Suhaimi Abdul Malek, berkata pendekatan baharu melalui GOMSPV, iaitu badan di bawah Kementerian Kewangan, perlu dibuat bagi memudahkan capaian rangkaian digital yang lebih baik.

Ketika ini, katanya, pelaburan dalam rangkaian 5G akan membabitkan pertambahan kos antara 25 peratus sehingga 75 peratus berbanding 4G.

"Tanpa GOMSPV, ia tentu memberi cabaran besar kepada syarikat telekomunikasi. GOMSPV akan menjadi entiti mengurangkan penduaan rangkaian, sekali gus membolehkan syarikat telekomunikasi fokus memberi perkhidmatan lebih menyeluruh bagi memanfaatkan pengguna, termasuk dari aspek liputan dan harga lebih kompetitif.

"Mengapa banyak rungutan

capaian internet Malaysia perlahan? Jawapannya kerana negara mempunyai beberapa penyedia perkhidmatan telekomunikasi sedangkan tiada jalur spektrum tambahan untuk ditawarkan.

"Apabila bilangan pengguna tinggi, ia akan memberi kualiti pengalaman internet yang lebih rendah, tambahan pula penggunaan internet setiap megahertz di negara ini sudah mencapai 20 gig.

"Jumlah itu jauh lebih tinggi berbanding Singapura yang masih berada di bawah enam gig setiap megahertz, maka pendekatan baharu dari aspek bantuan kerajaan perlu dilakukan bagi menangani isu rangkaian 5G di negara ini," katanya media 'My-Digital Future - Accelerating 5G' secara maya di sini, semalam.

Jumaat lalu, Perdana Ment-

ri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, melancarkan 'MyDigital - Rangka Tindak Ekonomi Digital Malaysia' yang akan menyediakan landasan bagi menjadikan negara sebagai nadi digital serantau menjelang 2030.

Fadhullah Suhaimi berkata, berdasarkan kesediaan kini, negara dijangka berupaya menyediakan rangkaian 5G secara komersial menjelang suku keempat tahun ini.

Katanya, penyediaan jalur 5G berupaya membawa tarikan kepada negara secara ekonomi, termasuk meningkatkan produktiviti dan pendapatan isi rumah.

"Sejumlah RM15 bilion akan dilaburkan bagi tempoh 10 tahun untuk pelaksanaan 5G di seluruh negara dan ini dijangka menghasilkan sehingga 105,000 peluang pekerjaan baharu," katanya.



Tanpa GOMSPV, ia tentu memberi cabaran besar kepada syarikat telekomunikasi. GOMSPV akan menjadi entiti mengurangkan penduaan rangkaian.

Fadhullah Suhaimi Abdul Malek,
Pengerusi SKMM